

**PEMBANGUNAN MODUL BAHASA ARAB UNTUK PROGRAM LALUAN  
PANTAS: TINJAUAN LITERATUR DALAM KONTEKS MALAYSIA**

***(DEVELOPING ARABIC LANGUAGE MODULES FOR FAST-TRACK PROGRAMS:  
A LITERATURE REVIEW IN THE MALAYSIAN CONTEXT)***

**Nur Afifah Fadzil**

Jabatan Bahasa Al-Quran dan Sunnah,  
Fakulti Al-Quran dan Sunnah,  
Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ)

**Wan Syatirah Wan Shahrudin**

Pusat Bahasa dan Pengajian Umum,  
Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ)

**Muhamad Zamri Abdul Gani**

Jabatan Bahasa Arab,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ)

**Maryam Md Rofiee**

Kolej Agama Sultan Abdul Halim (KASAH)

*\*Corresponding Author's Email: [nurafifahfadzil@kuiips.edu.my](mailto:nurafifahfadzil@kuiips.edu.my)*

---

**Article History:**

*Received* : 1 November 2024

*Revised* : 1 Disember 2024

*Published* : 31 Disember 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

---

To cite this article:

NA Fadzil, W.Shahrudin,W.S., Abdul Gani M.Z., & MM Rofiee (2024). PEMBANGUNAN MODUL BAHASA ARAB UNTUK PROGRAM LALUAN PANTAS: TINJAUAN LITERATUR DALAM KONTEKS MALAYSIA. *Jurnal Kesidang*, 9(1), 158-167.

**ABSTRAK**

Kertas kerja ini bertujuan mengemukakan tinjauan awal berkaitan teori dan model pedagogi dan modul pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dengan memberi penumpuan kepada kajian lepas berkaitan kerangka dan keperluan pembinaan modul bahasa Arab. Kertas kerja ini mengemukakan teori-teori pedagogi dan pendekatan serta keperluan modul dan buku bahasa Arab terdahulu serta mengenal pasti modul bahasa Arab sedia ada. Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan kepustakaan. Data kajian lepas dianalisis dengan menggunakan pendekatan tematik. Oleh yang demikian, kajian ini tertumpu kepada tinjauan awal keperluan dan kerangka pembinaan modul bahasa Arab dengan tujuan untuk meningkatkan kemampuan dan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar program laluan pantas. Modul bahasa Arab yang hendak dibina seharusnya mesra dengan penutur bukan jati dan sesuai digunakan bagi pelajar sekolah menengah khususnya pelajar yang berada pada program laluan pantas. Justeru, hasil kajian ini dijangka akan menjadi panduan dan rujukan dalam membina sebuah modul bahasa Arab yang lebih praktikal untuk digunakan oleh para pelajar program laluan pantas memandangkan belum ada lagi modul khusus untuk kegunaan para pelajar ini. Modul bahasa Arab program laluan pantas diharapkan dapat membantu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan serta membantu meningkatkan penguasaan bahasa Arab dalam

kalangan pelajar sekaligus dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang efektif, interaktif dan menyeluruh.

**Kata kunci:** Modul, Bahasa Arab, Laluan Pantas, Bukan Penutur Jati

### **ABSTRACT**

*This paper aims to present a preliminary survey related to the theory and model of pedagogy and the teaching and learning module of the Arabic language by focusing on previous studies related to the framework and requirements of the construction of the Arabic language module. This paper presents pedagogic theories and approaches as well as the requirements of previous Arabic language modules and books as well as identifying existing Arabic language modules. The methodology of this study is qualitative using a literature approach. Data from previous studies were analyzed using a thematic approach. Therefore, this study is focused on an initial survey of the needs and framework of the construction of the Arabic language module to improve the ability and mastery of the Arabic language among the students of the fast-track program. The Arabic language module to be built should be friendly to non-native speakers and suitable for high school students, especially students who are on the fast-track program. Therefore, the results of this study are expected to be a guide and reference in building a more practical Arabic language module to be used by the students of the fast-track program since there is no specific module for these students to use. The Arabic language module of the fast-track program is expected to help the implementation of teaching and learning more effectively and help improve Arabic language proficiency among students as well as create an effective, interactive and comprehensive learning environment.*

**Keywords:** Module, Arabic Language, Fast-Track, Non-Native Speaker

## **1.0 PENGENALAN**

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab memainkan peranan penting dalam pendidikan bahasa asing serta perkembangannya di peringkat global telah meletakkannya sebagai sebahagian bahasa utama di dunia. Menurut Idris (2015) kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan mula memperkenalkan bahasa Arab di IPT selepas kemerdekaan pada tahun 1957. Ini disebabkan kedudukan Islam yang menjadi agama rasmi negara yang mendorong perkembangan ilmu-ilmu agama termasuk bahasa Arab sebagai ilmu atau alat untuk memahami ajaran Islam. Selain itu, bahasa Arab tidak lagi dipelajari oleh pelajar sekolah aliran agama semata-mata, bahkan ditawarkan di pelbagai peringkat pendidikan formal sama ada pada peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah mahupun kolej dan universiti. (Muhammad Sabri, 2015).

Sehubungan itu, pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berasaskan modul untuk tujuan khusus juga memberi ruang kepada pelajar untuk mendalami aspek-aspek tertentu dalam bahasa Arab dengan lebih mendalam dan berstruktur. Pendekatan ini membolehkan pembelajaran yang lebih berfokus dan disesuaikan mengikut keperluan serta tahap penguasaan pelajar, seterusnya meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005) merumuskan bahawa modul ialah "satu unit pengajaran dan pembelajaran yang membincangkan sesuatu tajuk tertentu secara sistematik dan berurutan bagi memudahkan pelajar belajar secara sendiri supaya dapat menguasai sesuatu unit pembelajaran dengan mudah dan tepat".

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab melalui modul untuk tujuan khusus ini adalah sangat relevan dan signifikan serta ia dijangka dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran sekaligus dapat memberi galakan kepada pelajar untuk mempelajarinya sebagai satu nilai tambah kepada peningkatan dan penguasaan bahasa.

### **Program Laluan Pantas Spm (Fast Track)**

Program laluan pantas atau dikenali sebagai *fast track* (FT) merupakan sebuah program yang disediakan khususnya bagi pelajar-pelajar aliran tahfiz dan pondok untuk menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran

Malaysia (SPM) secara persendirian. Ia merupakan sebuah program persediaan atau boleh dikatakan sebagai program kelas tuisyen yang memberikan ruang kepada pelajar-pelajar institusi tahfiz persendirian swasta menduduki peperiksaan SPM yang mengambil masa persediaan selama 10-11 bulan.

Program FT ini telah banyak diadakan bahkan terdapat institusi pengajian tinggi yang turut menawarkan program ini. Antara institusi yang mengadakan program FT ini ialah Akademi Lembah Ilmu (AKLI), Ilham Ilmu, KIBGIM Academy dan pelbagai institusi dan akademi yang lain. Terdapat institusi atau akademi yang menawarkan program ini dengan menggunakan nama-nama lain seperti Tamhidi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Kolej Islam Darul Ulum, Smart Tahfiz Masjid Universiti Selangor (UNISEL), Universiti Sultan Azlan Shah dengan menggunakan platform USAS Bridging Center (UBC) dan sebagainya.

Program ini diwujudkan adalah bertujuan memberi ruang dan peluang kepada pelajar-pelajar dari institusi tahfiz swasta dan pondok dalam menyambung pengajian ke peringkat akademik yang lebih tinggi. Hal ini kerana, SPM merupakan antara syarat utama bagi kemasukan ke kebanyakan institusi-institusi pengajian tinggi dan berkhidmat dalam sektor awam. Selain itu, terdapat juga peluang pembiayaan bagi pelajar-pelajar yang menduduki program ini.

Pelajar-pelajar ini hanya mengambil kursus-kursus wajib SPM dan juga kursus-kursus aliran agama seperti Bahasa Arab, Pendidikan Syariah Islamiyah, Pendidikan Al-Quran dan Sunnah atau Tasawwur Islam. Kursus Bahasa Arab merupakan kursus yang terdapat dalam pakej FT ini. Namun begitu, sepanjang penelitian, modul bahasa Arab khusus untuk program ini belum lagi dibina. Modul ini adalah penting kerana bahasa Arab merupakan bahasa yang agak sukar bagi mereka yang tidak pernah mempelajarinya walaupun berada di aliran tahfiz. Oleh itu, silibus yang padat dalam tempoh masa yang singkat untuk dipelajari menyebabkan mereka mengalami kesukaran untuk menguasai bahasa Arab.

### **Modul Bahasa Arab Program Laluan Pantas**

Modul bahasa Arab adalah salah satu dari bahan pengajaran dan pembelajaran yang asas dan utama digunakan. Ia tidak lari dari mengandungi empat kemahiran bahasa Arab iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Justeru, modul bahasa Arab untuk program ini tidak terkecuali dari mengandungi keempat-empat elemen ini. Namun, antara kesukaran yang dihadapi oleh para pelajar ini ialah ada dalam kalangan mereka yang tidak langsung mengetahui ilmu bahasa Arab. Oleh itu, modul bahasa Arab untuk program ini harus memilih pendekatan yang lebih utama dalam memberi kefahaman dan penguasaan kepada pelajar. Selain itu, penekanan aspek tatabahasa Arab amat penting. Pada pandangan pengkaji, kemahiran mendengar dan menulis adalah di antara kemahiran yang utama buat para pelajar ini. Apabila mereka mendengar dengan baik, ia akan membawa kefahaman yang berterusan dan seterusnya dapat dipraktikkan dalam penulisan dan pertuturan. Justeru, modul ini seharusnya dimuatkan dengan pelbagai aktiviti dan latihan pengukuhan bagi membantu pelajar untuk menguasai pembelajaran bahasa Arab seterusnya dapat dipraktikkan dalam kemahiran bertutur dan membaca.

## **2.0 PENYATAAN MASALAH**

Pelbagai modul pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab telah diterbitkan sama ada untuk kegunaan pelajar peringkat rendah, menengah bahkan untuk orang awam. Modul-modul ini juga dibina berdasarkan pendekatan dan keperluan bagi golongan sasaran. Begitu juga kelas-kelas bahasa Arab turut diadakan sama ada secara fizikal mahupun atas talian. Modul-modul bahasa Arab untuk pelajar sekolah menengah adalah berteraskan sukatan pelajaran yang telah ditentukan oleh Kementerian semenjak dari tingkatan 1-5. Ia berbeza dengan modul-modul untuk tujuan keperluan agama, komunikasi, kerjaya dan sebagainya.

Kekangan pengetahuan bahasa Arab pelajar program laluan pantas boleh menyebabkan mereka kurang dalam penguasaan bahasa Arab. Bahkan, penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran sepertimana aliran sekolah menengah berkemungkinan menyebabkan mereka rasa terbeban apabila perlu mengulangkaji dua bahan pembelajaran iaitu bahasa Arab tingkatan empat dan lima. Namun, sekiranya mereka mempunyai sebuah modul khusus yang membantu dan memudahkan mereka untuk

memahami sukatan tersebut dalam masa yang singkat iaitu antara tempoh persediaan 10-11 bulan, berkemungkinan ia dapat membantu mereka meningkatkan penguasaan bahasa Arab.

Berdasarkan kajian terdahulu, modul bahasa Arab yang dibina khusus untuk pelajar laluan pantas (*fast track*) SPM belum ada diterbitkan dan dipasarkan. Pelajar-pelajar ini kebanyakannya tidak mempunyai pendedahan terhadap kursus bahasa Arab memandangkan mereka datang dari latar belakang sekolah tahfiz. Justeru, sebuah modul khas untuk golongan pelajar ini perlu dibina bagi memudahkan mereka untuk menguasai bahasa Arab sama penguasaan kosa kata, tatabahasa mahupun kemahiran komunikasi. Namun, sebelum sesebuah modul dibina, ia seharusnya melalui fasa analisis keperluan pembinaan modul. Justeru, kertas kerja ini akan mengemukakan tinjauan awal berkaitan modul-modul bahasa Arab yang telah dibina dan digunakan bagi meneliti keperluan pembinaan modul bahasa Arab untuk program laluan pantas ini.

### 3.0 SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur kertas kerja ini dibahagikan kepada dua tema iaitu teori-teori pengajaran dan pembelajaran dan yang kedua, modul bahasa Arab meliputi keperluan, pembinaan dan sasaran pengguna.

#### **Teori dan Model Pengajaran dan Pembelajaran**

Teori dan amalan pengajaran serta pembelajaran bahasa Arab telah mengalami kemajuan yang signifikan di peringkat global; tidak ketinggalan di Malaysia. Di Malaysia, pendidikan bahasa Arab dipandu oleh pelbagai teori pedagogi yang menekankan kecekapan komunikasi, perkembangan kognitif dan penyerapan budaya. Pendekatan Pengajaran Bahasa Komunikatif (*Communicative Language Teaching, CLT*) telah digunakan secara meluas, dengan tumpuan untuk membolehkan pelajar menggunakan bahasa Arab secara efektif dalam situasi kehidupan sebenar (Ahmad et al., 2021). Selain itu, teori sosio-budaya yang menekankan kepentingan interaksi dan konteks dalam pemerolehan bahasa turut membentuk metodologi pengajaran (Rahman & Noor, 2020). Kerangka ini sejajar dengan penekanan Malaysia terhadap pendidikan holistik yang mengintegrasikan pertumbuhan spiritual dan intelektual.

Pada peringkat sekolah rendah, pengajaran bahasa Arab biasanya bermula dengan kemahiran asas, termasuk fonetik, perbendaharaan kata dan tatabahasa asas. Kajian menunjukkan bahawa integrasi bahan bantu visual dan penceritaan dapat meningkatkan penglibatan dan daya ingat pelajar muda (Hassan & Idris, 2022). Penggunaan teknologi, seperti aplikasi mudah alih dan papan putih interaktif, juga semakin mendapat perhatian dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Sebagai contoh, Mohd Yusof et al. (2023) menekankan keberkesanan alat pembelajaran berasaskan permainan (*gamified learning tools*) dalam meningkatkan pemerolehan perbendaharaan kata dalam kalangan pelajar sekolah rendah.

Pada peringkat sekolah menengah, kurikulum menjadi lebih tersusun dengan fokus terhadap ketepatan linguistik dan kefahaman teks klasik serta moden. Guru sering mengaplikasikan pendekatan pembelajaran hibrid, yang menggabungkan pengajaran secara bersemuka dengan sumber digital. Penyelidikan oleh Ismail dan Zakaria (2021) menunjukkan bahawa pelajar sekolah menengah mendapat manfaat daripada pembelajaran berasaskan tugas (*task-based learning*), yang merangsang pemikiran kritis dan penggunaan bahasa secara praktikal. Walau bagaimanapun, cabaran seperti kekurangan guru yang berkelayakan dan pendedahan yang terhad kepada penutur asli bahasa Arab terus memberi kesan terhadap tahap kecekapan pelajar (Ali et al., 2020).

Pada peringkat pengajian tinggi, pendidikan bahasa Arab lebih khusus, memenuhi keperluan pelbagai bidang seperti pengajian Islam, linguistik dan komunikasi profesional. Universiti sering menggunakan kurikulum berasaskan kecekapan yang direka untuk membangunkan kemahiran lanjutan dalam membaca, menulis dan komunikasi lisan. Kajian terkini menekankan peranan realiti terimbuh (*augmented reality, AR*) dan realiti maya (*virtual reality, VR*) dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang imersif, yang secara signifikan meningkatkan penglibatan dan kefahaman pelajar (Zulkifli et al., 2023). Selain itu, strategi pembelajaran kolaboratif seperti perbincangan rakan sebaya dan projek kumpulan didapati dapat memperbaiki kemahiran analitik dan komunikasi pelajar (Rahman et al., 2022).

Selain itu, model pengajaran turut mempengaruhi pembangunan modul. Pembangunan modul pembelajaran bukan sahaja dilihat dari aspek teori semata mata. Terdapat pelbagai model pengajaran yang telah dihasilkan oleh pakar-pakar pendidikan yang boleh diaplikasikan dalam pembangunan modul bahasa Arab, antaranya ialah Robert Glaser (1963). Beliau mengemukakan model pengajaran yang membahagikan proses pengajaran kepada empat komponen utama iaitu objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada pelajar, kaedah mengajar, dan penilaian. Beliau juga menekankan maklum balas pelajar sebagai aspek yang sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Glaser (1963), objektif pengajaran harus disesuaikan dengan pengetahuan yang sedia ada dalam diri pelajar dan kaedah pengajaran yang dipilih harus selaras dengan objektif tersebut. Penilaian juga penting dalam mengesan kelemahan dalam proses pengajaran agar guru dapat memperbaiki dan meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka di masa hadapan.

Model pengajaran Sim (1983) mengemukakan model pengajaran yang menjelaskan interaksi antara beberapa unsur utama dalam proses pengajaran, iaitu guru, murid, kandungan kursus serta objektif. Model ini berlandaskan konsep pengajaran sebagai bidang komunikasi yang melibatkan interaksi antara unsur-unsur tersebut dalam persekitaran pembelajaran. Model ini juga memberi penekanan kepada unsur-unsur persekitaran seperti keadaan bilik darjah yang kondusif sesuai dengan keadaan sosio-ekonomi dan budaya pelajar.

Menurut Taba, H. (1962) beliau menyatakan bahawa pengajaran harus disusun secara sistematik untuk meningkatkan kemahiran berfikir pelajar. Model Taba juga menekankan pentingnya penyusunan data atau fakta, pengelasan, generalisasi dan aplikasi dalam pembelajaran yang berfokus pada pengembangan kognitif pelajar. Justeru, ketiga-tiga model pengajaran ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dengan pendekatan yang lebih sistematik dan berpusat kepada pelajar. Model pengajaran ini dapat diterapkan secara bersama-sama dalam pembangunan modul bahasa Arab untuk mewujudkan pengalaman pembelajaran yang komprehensif dan efektif.

### **Modul Bahasa Arab**

Dalam aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, modul dan buku bahasa Arab amat penting dalam membantu penguasaan bahasa Arab. Kepelbagaian modul dan buku bahasa Arab adalah disebabkan kepada objektif keperluan, tujuan dan sasaran pengguna. Justeru, terdapat modul yang dihasilkan untuk tujuan pendidikan sekolah rendah, menengah, dewasa, warga emas dan sebagainya. Kepentingan mempelajari bahasa Arab meliputi kepentingan untuk mendalami ilmu pengetahuan, penyelidikan, sosial, ekonomi, politik, pelancongan dan hubungan antarabangsa. Ia juga mengambil kira keperluan generasi baharu untuk menguasai lebih daripada satu bahasa selain bahasa ibunda (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Pelbagai kajian berkaitan modul dan buku bahasa Arab dijalankan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu. Dalam membina sesebuah modul, analisis keperluan pembangunan modul merupakan langkah pertama dalam pembinaan sesebuah modul. Langkah ini adalah penting tanpa mengira apa jua jenis model bagi pembangunan modul sama ada dengan menggunakan model ADDEI, ASSURE dan model-model yang lain. Anisa dan Zarima (2024) menjalankan analisis keperluan pembangunan modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat sekolah menengah. Hasil kajian menunjukkan bahawa modul pembelajaran aktif adalah sangat diperlukan dalam membantu guru-guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga Mohammad Najib Jaafar et al. (2022), menerbitkan sebuah buku berkaitan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam: Analisis Keperluan Dan Pembinaan Kurikulum Asas. Buku ini mengetengahkan penerangan tentang analisis keperluan bahasa Arab untuk pelancongan Islam berasaskan Model i-Tourism iaitu kekurangan (lacks), kehendak (wants) dan keperluan (necessities) selain memuatkan kurikulum asas Bahasa Arab untuk Pelancongan Islam mengikut pelbagai tema seperti Pelancongan Membeli-belah, Ekopelancongan, Pelancongan Rekreasi dan Pelancongan Kebudayaan dalam dwibahasa iaitu bahasa Arab dan bahasa Melayu.

Diyak ulrahman et al. (2020) menjalankan sebuah kajian berkaitan kerangka pembinaan modul pengajaran bahasa Arab untuk tujuan perhotelan. Kajian ini dikhususkan kepada pelajar universiti. Penggunaan modul dalam pembelajaran bahasa Arab merupakan satu medium yang semakin mendapat tempat dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai golongan sasaran. Walaupun kajian ini dikhususkan kepada pelajar universiti, pengkaji berpandangan bahawa penggunaan modul bahasa Arab turut memberi kesan yang baik untuk pelajar sekolah menengah.

Begitu juga Azlan dan Loqman (2021) menjalankan kajian berkaitan modul bahasa Arab untuk orang awam. Kajian tersebut memfokuskan kepada kerangka awal pembentukan modul pengajaran bahasa Al-Quran untuk orang awam menggunakan warna primer. Ia merupakan sebuah pendekatan baharu pembelajaran bahasa Arab untuk orang awam dengan menggunakan pendekatan warna primer. Modul ini menggunakan ayat al-Quran sebagai asas kandungan modul dan berasaskan kepada model ADDEI.

Jika diteliti, terdapat pelbagai buku dan modul bahasa Arab untuk orang awam yang menggunakan pendekatan ayat al-Quran dan ibadah telah dibina. Antaranya *Modul bahasa Arab menerus al-Quran* oleh Suhaila Zailani (2012), *Bahasa Arab Untuk Ibadah* yang direka oleh Mohd Puzhi dan Mohamad Seman (2010), *Pengajaran Bahasa Arab Menerusi Al-Quran* yang direka oleh Sohair (2010) *Asas Bahasa Arab Melalui Al-Quran* yang dibina oleh Zainuddin et al. (2010), *Cara Mudah Memahami Perkataan-Perkataan alQuran* oleh Syed Nasir (2010) dan sebagainya.

Maklumat berkaitan potensi-potensi yang membawa kepada keperluan untuk mewujudkan modul bahasa Arab di peringkat prasekolah haruslah diteliti (Siti Nurhajariah et al. ,2017). Hal ini kerana, asas bahasa Arab yang baik sejak dari peringkat sekolah rendah akhirnya akan menatijahkan keputusan yang cemerlang di peringkat sekolah menengah. Pembinaan modul bukan sahaja membantu para pelajar malah guru. Najib et al. (2023) menjalankan kajian berkaitan langkah pembangunan modul bahasa Arab E-Ta'am untuk guru bahasa Arab di sekolah rendah. Modul ini menggunakan pendekatan teks hadith. Ia merupakan sebuah inisiatif bagi membantu para guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Modul ini dibina bertujuan membantu para guru untuk menarik minat dalam kalangan murid-murid untuk memahami adab makan menerusi modul yang dihasilkan. Ia juga memberikan pendekatan yang berlainan apabila menggunakan teks hadith yang memberikan satu nilai tambah kepada pelajar selain semata-mata mempelajari bahasa Arab secara literal.

Kemahiran menulis bahasa Arab merupakan antara aspek penting dalam menentukan penguasaan bahasa Arab seseorang. Rofian & Daoh (2021) menjalankan analisis keperluan pembinaan modul kemahiran menulis karangan bahasa Arab dari aspek model dan kaedah pengajaran modul. Kajian tersebut melibatkan tenaga pengajar bahasa Arab dari empat buah universiti awam. Secara umumnya, kepelbagaian kaedah pengajaran modul kemahiran mengarang bahasa Arab perlu diterapkan seperti secara komunikatif, secara langsung interaktif, eklektik dan keadah terjemahan.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kesukaran dalam menguasai kemahiran mengarang bahasa Arab antaranya ialah faktor silibus dan modul (Sulaiman et al.2018). Kesalahan penggunaan model pengajaran modul kemahiran menulis turut menyumbang kepada kegagalan penguasaan kemahiran mengarang. Selain itu, modul yang dikatakan berat dan sarat dengan kandungan juga menyebabkan pelajar menjadi jemu dan bosan untuk terus menggunakan dan mempelajari bahasa Arab. Sesebuah modul yang baik perlu dilengkapi dengan kaedah dan teknik pengajaran guru yang menepati dan memenuhi objektif umum dan khusus, isi kandungan dan kaedah penilaian yang digunakan (Jasni, 2020).

Keperluan modul bahasa Arab untuk tujuan khusus adalah penting bagi memastikan objektif pembinaan modul dan keberkesanan modul dapat dicapai. Muhammad Farhan et.al (2021) menjalankan sebuah kajian berkaitan Kerangka Konsep Modul Pengajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Teknologi. Ia dikategorikan sebagai sebuah modul untuk tujuan khusus. Kehendak pembelajaran bahasa Arab sekarang bukanlah semata-mata untuk tujuan berkomunikasi sahaja, malah ia semakin berkembang mengikut kehendak pengguna sasaran. Tujuan khusus seperti bahasa Arab untuk ekonomi, pelancongan, muamalat dan pelbagai bidang professional yang lain telah mula diberi perhatian. Situasi ini menunjukkan bahawa bahasa Arab bukan bersifat statik dan jumud yang hanya memberi penekanan kepada ilmu sintaksis, retorik dan morfologi semata-mata.

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, terdapat pelbagai modul bahasa Arab yang dibina untuk pelajar sekolah rendah, institusi pengajian tinggi dan orang awam dengan berasaskan kepada keputusan analisis keperluan. Modul-modul bahasa Arab yang berada di pasaran adalah tertumpu kepada pelajar-pelajar yang berada di peringkat sekolah menengah. Namun, modul bahasa Arab untuk pelajar program laluan pantas masih belum diketengahkan. Teknik pembelajaran bahasa Arab untuk pelajar laluan pantas yang akan menduduki Sijil Pelajaran Malaysia adalah berbeza antara pelajar yang berada di kelas aliran agama kerana mereka hanya mempelajari bahasa Arab untuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia untuk jangka tempoh persediaan 10-11 bulan sahaja. Pelajar-pelajar tersebut juga ada yang tidak memahami

langsung kaedah tatabahasa Arab dan tidak menguasai kosa kata bahasa Arab. Justeru, modul bahasa Arab untuk pelajar laluan pantas ini perlu dibina secara khusus bertujuan membantu para pelajar ini menguasai bahasa Arab khususnya dalam menghadapi peperiksaan bahasa Arab Sijil Pelajaran Malaysia.

Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini merupakan tinjauan awal modul-modul bahasa Arab. Hasil penelitian menunjukkan bahasa modul khusus bagi pelajar laluan pantas ini belum dibina. Bertitik tolak dari dapatan ini, sebuah analisis keperluan akan dijalankan bagi mengenal pasti bentuk keperluan pembinaan modul khusus ini yang dapat digunakan oleh para pengajar dan pelajar program laluan pantas ini.

#### 4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kertas kerja ini menetapkan dua objektif iaitu:


1. Mengetahui teori dan model pembelajaran.
2. Mengetahui pendekatan dan keperluan modul dan buku bahasa Arab.

#### 5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan. Pengumpulan data kajian dijalankan menerusi pengumpulan kajian-kajian lepas berkaitan teori dan model pedagogi, keperluan, pembinaan dan tujuan pembinaan modul bahasa Arab. Kertas kerja ini merupakan kajian tinjauan awal bagi mengenal pasti pendekatan modul dan buku bahasa Arab yang ada sekarang. Data kajian dianalisis dengan menggunakan pendekatan tematik. Data kajian ini akan menjadi satu kayu ukur bagi meneruskan lagi ke proses seterusnya iaitu kajian keperluan dan akhirnya kepada pembinaan modul.

#### 6.0 KERANGKA TEORI

Dalam membina sesebuah modul, ia haruslah berlandaskan kepada satu teori atau model yang sesuai. Pembinaan modul bahasa Arab untuk program laluan pantas menggunakan pendekatan model ADDIE. Model ADDIE merupakan model rekabentuk yang berfungsi sebagai garis panduan ke arah pembinaan perisian dan bahan pengajaran-pembelajaran berdasarkan keperluan. Ia melibatkan lima fasa iaitu Analisis, Reka Bentuk, Pembangunan, Pelaksanaan dan Penilaian. Justeru, kertas kerja ini hanya menyentuh sebahagian dari proses yang pertama iaitu analisis keperluan. Rajah 1.1 adalah rajah bagi proses pembinaan modul menggunakan model ADDIE.



Rajah 1.1 Model ADDEI

Modul bahasa Arab laluan pantas ini akan menggunakan pakai teori dan model pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan pendekatan model latih terus. Ia merupakan satu model pengajaran yang bertujuan untuk membantu pelajar mempelajari ilmu pengetahuan atau kemahiran asas yang boleh diajar dengan cara langkah demi langkah. Model ini juga dikenali sebagai 'Model Latihan' dan 'Model Pengajaran Aktif'. Model ini menekankan aspek pemerhatian pelajar terhadap apa yang ditunjukkan oleh guru sebelum pelajar melakukannya semula

## **7.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Teori dan model pengajaran dan pembelajaran merupakan satu panduan dalam pelaksanaan proses tersebut. Ia bertujuan untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran mencapai objektif yang ditetapkan. Selain itu, bahan bantu mengajar merupakan asas utama dalam penyampaian pelajaran. Modul yang baik, mampu memberi kesan yang positif bagi proses pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga bagi pelajar-pelajar dalam program laluan pantas. Mereka merupakan calon kursus bahasa Arab bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan tempoh persediaan mereka hanya dalam 10-11 bulan sahaja. Justeru, penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran amat memainkan peranan selain daripada kaedah pengajaran guru.

Jika diperhatikan dari soroton tinjauan kajian lepas, didapati terdapat pelbagai modul bahasa Arab yang dibina dan digunakan. Modul-modul tersebut mempunyai pelbagai tujuan seperti pelancongan, perhotelan, ibadah, komunikasi dan modul-modul yang dibina untuk sasaran tertentu seperti golongan awam, sekolah rendah, warga emas dan sebagainya. Namun, modul khas untuk persediaan pelajar program laluan pantas belum ada dibina. Modul-modul untuk tujuan khusus seperti ibadah, pelancongan, perhotelan dan sebagainya melalui proses kajian keperluan bagi mengenal pasti bentuk keperluan serta pendekatan yang sesuai bagi sasaran pengguna.

Begitu juga dengan pembinaan modul, para pembina modul menggunakan pelbagai pendekatan model dan teori dalam mereka bentuk modul seperti model ADDIE, ASSURE dan sebagainya yang meliputi proses analisis keperluan sehingga penilaian. Proses ini bertujuan menjadikan sesebuah modul lebih praktikal dan diakui kebolehpercayaannya. Begitu juga pemilihan pendekatan teori dan model pedagogi yang memainkan peranan penting dalam sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan dengan itu, sorotan terdahulu yang dikemukakan merupakan dapatan dan langkah awal yang membantu bagi mengenal pasti keperluan pembinaan modul bahasa Arab program laluan pantas.

## **8.0 KESIMPULAN**

Penggunaan modul pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang khusus untuk pelajar program laluan pantas amat penting bagi memastikan pembelajaran tersebut dapat dikuasai dengan baik dan mudah dipraktikkan. Kepelbagaian pendekatan dalam sesebuah modul turut memberikan kesan terhadap penggunaan modul tersebut. Pendedahan latihan, nota ringkas, kepelbagaian aktiviti menjadikan sesebuah pembelajaran itu berkesan dan menarik. Di antara kaedah dan teknik yang boleh digunakan oleh pengajar seperti kaedah main peranan, latihan berpasangan dan pelbagai kaedah yang lain. Langkah awal bagi pembinaan modul ini ialah dengan mengenal pasti keperluan dan pendekatan serta bentuk dan kaedah yang lebih khusus untuk digunakan oleh guru dan pelajar. Ia bertujuan untuk memberi kesan yang lebih besar kepada pelajar dan sekali gus memberi mereka peluang untuk menguasai bahasa Arab khususnya untuk tujuan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan umumnya kehidupan sepanjang hayat.

## **PENGHARGAAN**

Penghargaan kepada Akademi Lembah Ilmu yang menganugerahkan dana penyelidikan (PrIG-015/2024) untuk penyelidikan yang bertajuk Analisis Keperluan Pembinaan Modul Bahasa Arab Untuk Pelajar *Fast Track*.



## Sumbangan Pengarang

NA Fadzil, W.Shahrudin, W.S., Abdul Gani M.Z., & MM Rofiee, Pengenalan, Method dan draf awal, Perbincangan, semakan dan suntingan draf akhir.

## Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

## RUJUKAN

- Abdullah Mohamed. (2010). *Cara Mudah Mempelajari Bahasa Arab*. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Ahmad, N., et al. (2021). Communicative Language Teaching in Arabic Education: A Malaysian Perspective. *Journal of Education and Practice*, 12(4), 45-55.
- Ali, M., et al. (2020). Challenges in Teaching Arabic in Malaysian Secondary Schools. *International Journal of Language Education*, 5(3), 123-130.
- Anzaruddin Bin Ahmad. (2004). Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama: Kajian Terhadap Sikap Dan Motivasi Golongan Profesional. Disertasi Master, Fakulti Bahasa dan Linguistik, UniversitiMalaya.
- Asar Abdul Karim. (2008). *Bahasa Arab Untuk Semua*. Pahang: Universiti Malaysia Pahang
- Azlan Shaiful Baharum & Mohammad Loqman Ibrahim. (2021). Kerangka Awal Pembentukan Modul Pengajaran Bahasa Al-Quran Untuk Orang Awam Menggunakan Warna Primer. *E-Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences 2021*.
- Diyak Ulahman Bin Mat Saad, Muhammad bin Hashimee, Mohd. Shafie bin Zulkifli & Ahmad Nazeer Zainal Arifin. (2020). Kerangka Pembinaan Modul Pengajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Perhotelan. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 pada 24 & 25 November 2020*.
- Faridah Nazir, Faizah Shamsudin, & Amran Bakar. (2017). *Pengajaran dan Pembelajaran Abad 21* (2nd ed.). Petaling Jaya, Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Glaser, R. (1963). Instructional technology and the measurement of learning outcomes: Some issues in educational research. *Educational Researcher*, 2(6), 19-21.
- Hassan, S., & Idris, N. (2022). Storytelling as a Tool for Teaching Arabic to Young Learners. *Journal of Early Childhood Education*, 10(2), 98-112.
- Ismail, H., & Zakaria, A. (2021). Task-Based Learning in Secondary Arabic Education: Benefits and Challenges. *Malaysian Journal of Language Studies*, 14(1), 33-50.
- Lazim Bin Omar. (2000). *Pengajaran Dan Pemelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan-Tujuan Khas: Analisis Keperluan Di Malaysia*. Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Rofian Ismail & Muhammad Daoh. (2021). Analisis Keperluan Pembinaan Modul Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab Dari Aspek Model Dan Kaedah Pengajaran Modul. *Selangor Humaniora Review* Vol.4, No.1, June 2021
- Mohammad Najib Jaafar, Nurkhamimi Zainuddin, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh & Mohammad Imran Ahmad. (2022). Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam: Analisis Keperluan Dan Pembinaan Kurikulum Asas. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohammad Najib Md. Norani, Saipolbarin Ramli & Mohd Nor Adli Osman. (2023). Langkah Pembangunan Modul Bahasa Arab E-Ta'Am Bagi PdP Menggunakan Teks Hadith Dalam Kalangan Guru Bahasa Arab Di Sekolah Rendah. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*
- Mohd Puzhi Bin Usop. (2007). Modul Asas Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah: Satu Analisis Dan Penilaian. Tesis Dr. Falsafah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Mohd Puzhi dan Mohamad Seman. 2010. *Bahasa Arab Untuk Ibadah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.

- Mohd Yusof, S., et al. (2023). Gamification in Arabic Vocabulary Learning: Evidence from Malaysian Primary Schools. *Educational Technology & Society*, 26(1), 89-101.
- Muhammad Farhan Muhammad, Saipol Barin Ramli, Mohammad Taufiq Abdul Ghani, Amirul Nazri Mohamad & Mohammad Syahrul Naim Mohd Fauzi. (2023). Kerangka Konsep Modul Pengajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Teknologi. *Sains Insani 2021*, Volume 06 No 3: 183-187
- Nurul Anisa Abdul Aziz & Zarima Mohd Zakaria. (2024). Analisis Keperluan Pembangunan Modul Pembelajaran Aktif Bahasa Arab Tahun Empat Sekolah Rendah. *Afaq Lughawiyah*, 2024, 2(2), 320-338
- Rahman, F., et al. (2022). Collaborative Learning in Arabic Language Education at Malaysian Universities. *Higher Education Journal*, 9(2), 152-169.
- Sidek Mohd Noah, & Jamaludin Ahmad. (2005). Pembinaan Modul: Bagaimana Membina Modul Latihan dan Modul Akademik. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sohair Abdel Moneim Sery. (2010). *Pengajaran Bahasa Arab Menerusi Al-Quran*. Batu Caves: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Siti Nurhariah Md Isa, Norfaezah Mohd Hamidin Idi Hamdi & Awatif Abdul Rahman. (2017). Keperluan Modul Bahasa Arab Diperingkat Prasekolah: Suatu Ulasan Literatur. 4th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017) Institut Latihan Malaysia (ILIM) Bangi, 7 September 2017
- Sim, S. (1983). *A Model for Teaching: A Communication Approach*. *Journal of Educational Psychology*, 5(1), 25-34.
- Suhaila Zailani@ Hj. Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Ummu Hani Hj. Hashim, Khazri Osman, Zainuddin Ismail, dan Hakim Zainal. (2012). Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi Al-Quran. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*. Anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suhaila Zailani@ Hj. Ahmad, Zainuddin Ismail, Salamiah Ab. Ghani, Faizah Jusoh, Ummu Hani Hj. Hashim, Hakim Zainal, dan Khazri Osman. (2013). *Bahasa Arab menerusi alQur'an*. Bangi: Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Nasir Omar Assagoff. (2010). *Cara Mudah Memahami Perkataan-Perkataan Al-Quran*. Selangor: Hijjaz Records Publishing.
- Taba, H. (1962). *Curriculum Development: Theory and Practice*. Harper & Row.
- Ummu Hani Hj. Hashim, Suhaila Zailani@ Hj. Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Khazri Osman, Zainuddin Ismail, dan Hakim Zainal. (2012). Rumusan Kajian Persepsi Orang Awam Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi Al-Quran Di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*. Anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainuddin Ismail, Ibrahim Yaacob dan Salamiah Ab Ghani. (2010). *Asas Bahasa Arab Melalui Al-Quran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Yusof, S., et al. (2023). Gamification in Arabic Vocabulary Learning: Evidence from Malaysian Primary Schools. *Educational Technology & Society*, 26(1), 89-101.
- Rahman, A., & Noor, M. (2020). Socio-Cultural Influences on Arabic Language Learning in Malaysia. *International Journal of Social Science Studies*, 8(4), 76-89.
- Zulkifli, M., et al. (2023). Augmented Reality in Arabic Language Education: Opportunities and Challenges. *Journal of Modern Educational Technology*, 15(3), 45-62.  
<https://kidu-darululum.blogspot.com/2018/12/peluang-pengajian-di-kidu.html>  
<https://kibgimacademy.com/item/kelas-fast-track-spm/>  
[https://www.usas.edu.my/ova\\_sev/spm-fast-track-programme/](https://www.usas.edu.my/ova_sev/spm-fast-track-programme/)  
<https://ilhamilmu.com/tentang-ilham-ilmu/>